

Tentera Malaysia mampu tentang serangan asing - PM

13 MAY 1985

KUALA LUMPUR 12 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam temuramah yang disiarkan ke seluruh dunia melalui Radio British BBC hari ini menegaskan bahawa tentera Malaysia mampu menentang sebarang serangan asing yang dilancarkan ke atas negara ini.

Perdana Menteri menjelaskan, segala serangan mahu tidak mahu akan melibatkan peperangan di darat di mana askar Malaysia mempunyai kekuatan terutama dari segi peperangan bentuk gerila.

Menjawab satu soalan dari Johor, beliau menyatakan bahawa dari pengalaman serangan Jepun pada masa lalu, sebarang pihak yang mahu menyerang Malaysia akan menerima padah yang buruk sungguhpun soal menang atau kalah tidak dapat ditentukan.

Walaupun kerajaan menyedari ancaman yang bertambah akibat perkembangan di Kampuchea dan Vietnam tetapi adalah dipercayai bahawa serangan ke atas Malaysia tidak akan berlaku dalam masa-masa ini, tambah beliau.

Seramai 9 orang pendengar dari Sepanyol, Britain, Amerika Syarikat, Jerman, Norway, Malaysia dan Ireland telah mengemukakan soalan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir dalam rancangan temuramah dengan tokoh antarabangsa bernama "Dunia Anda".

Para penanya itu telah mengemukakan soalan mereka melalui telefon kepada Perbadanan Penyiaran British (BBC) di London sementara Perdana Menteri yang

bersedia di Wisma Radio di sini menjawab soalan-soalan itu.

Rancangan selama 45 minit itu telah disiarkan secara langsung ke seluruh dunia melalui Perkhidmatan Dunia BBC dan rangkaian tempatan Radio 4 BBC.

Menjawab soalan dari Dublin, Ireland, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa rakyat Malaysia yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) boleh bebas sekiranya terdapat negara asing yang mahu menerima mereka.

Beliau berkata mereka yang ditahan di bawah ISA itu membahayakan orang ramai sekiranya dibenarkan bebas di negara ini kerana mereka menunjukkan hasrat untuk menjatuhkan kerajaan melalui kekerasan.

Mereka akan dibebaskan sekiranya mereka mengakui tidak akan lagi berhasrat untuk menjatuhkan kerajaan melalui kekerasan, ujar beliau.

Menjawab soalan lain dari London, Perdana Menteri menjelaskan bahawa langkah perlu akan diambil selepas tamat tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) sekiranya jurang perbezaan ekonomi masih luas di antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Mengulas kenyataan penanya soalan tersebut yang menyifatkan DEB sebagai dasar diskriminasi kaum yang positif, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, bahawa sektor swasta berlaku juga diskriminasi ke atas bumiputera tetapi kerajaan tidak mahu membesar-besarkan perkara tersebut.